

Program Pendidikan Perkayuan dan Karnival Kokurikulum Di Batu Kurau, Perak

Selasa, 29 Januari 2013 16:33



- MALAY VERSION ONLY -

UCAPAN PERASMIAN

Y.B. DATO' HAMZAH ZAINUDIN, TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

DI PROGRAM PENDIDIKAN PERKAYUAN DAN KARNIVAL KOKURIKULUM
DI BATU KURAU, PERAK

24 JULAI 2010 (SABTU)
SMK DATO' KAMARUDDIN

Yang Berusaha Pengerusi Majlis,

En. Sabri Hj. Daud
Pegawai Pendidikan Larut

Encik Kamal Bin Mansor
Pengetua SMK Dato' Kamaruddin

Dif-dif jemputan,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Selamat Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran saudara-saudari, tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke "Program Pendidikan Perkayuan Dan Karnival Kc kerjasama dan sokongan semua pihak yang terlibat, termasuk agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan dan Komoditi, Kementerian Kesihatan, Majlis Perbandaran Tem Perhutanan, Jabatan Perhilitan, Suruhanjaya Pilihan Raya, Institut Latihan Perindustrian dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan "Program Pendidikan Perkayuan Dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudari sekalian,

2. Sektor perusahaan perladangan dan komoditi di negara kita meliputi kelapa sawit, getah, kayu-kayan, koko dan lada dan sumber-sumber pertumbuhan baru seperti sago, ken ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian, sektor perladangan masih merupakan asas pen untuk terus membangun dan mempromosikan sektor perladangan sebagai salah satu pemangkin ekonomi negara.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudari sekalian,

3. Pada tahun 2009, nilai eksport kayu dan keluaran kayu pada tahun 2009 mencatat RM 19.49 bilion iaitu penurunan sebanyak 14.5% berbanding tahun 2008. Ini telah menajac industri perkayuan untuk meningkatkan unjuran pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.4% pada setiap tahun selaras dengan Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) iaitu pencap

4. Pada pertengahan tahun ini, prestasi eksport bagi tahun 2010 telah menampakkan peningkatan, eksport keluaran kayu Malaysia telah mencatatkan nilai sejumlah RM6.97 billi berbanding tempoh yang sama dalam tahun lepas. Menyedari hakikat bahawa industri perkayuan sentiasa mengalami perubahan berdasarkan iklim ekonomi dunia, maka keraja peranan dalam ekonomi negara. Untuk itu, pelbagai usaha telah dilakukan bagi mempromosi industri kayu kayan di negara ini.

5. Sektor perkayuan telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 300,000 orang yang mana sehingga tahun 2008, 58% tenaga kerja adalah pekerja asing. Pada masa ini, MT pelajar sekolah dan lepasan sekolah termasuk di IPTA dan IPTS untuk menceburi bidang ini. Dengan usaha tersebut dapat menjadikan mereka berminat untuk menjadi pelapis i inisiatif untuk mengadakan taklimat kerjaya yang akan diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah ini yang diharap dapat membentuk minda mereka untuk menjadi pekerja mahir ya

6. Kepada mereka yang berminat untuk menjadi usahawan, sama ada untuk mengusahakan atau menceburkan diri di dalam sektor perkayuan, mereka sentiasa dialu- alukan.
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), sentiasa bersedia u

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudari sekalian,

7. Pada hari ini, pelbagai program diatur untuk pelajar-pelajar dan belia di kawasan Batu Kurau ini. Kita akan mengadakan taklimat kerjaya oleh MTIB bagi pelajar-pelajar Tingke pelajar mengenai sektor perkayuan di Malaysia dan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh sektor ini. Ia juga bertujuan untuk membuang tanggapan negatif pelajar-pelajar me diadakan mini pameran MTIB yang turut disertai oleh pelbagai agensi kerajaan dan juga agensi bukan kerajaan (NGO) seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPS Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

8. Pihak sekolah turut mengadakan beberapa pertandingan terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Terbuka kepada orang ramai atau masyarakat setempat ialah pertandingan dam H gubahan daripada bahan terbuang, pertandingan gubahan ukiran buah-buahan dan pertandingan gubahan hantaran. Manakala pertandingan yang terbuka kepada pelajar sahaj pertandingan mewarna (pelajar kurang dari 9 tahun), pertandingan ping pong, pertandingan bola tampar dan pertandingan melancarkan roket.

Tuan-tuan, Puan-puan dan Saudara-saudari sekalian,

9. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Pro Kamaruddin. Dengan sambutan yang menggalakkan yang dapat dilihat pada hari ini, program ini perlu diteruskan sebagai usaha menyokong hasrat Kerajaan meningkatkan per Dengan kata-kata itu, dengan lafaz Bismillah, saya merasmikan "Program Pendidikan Perkayuan Dan Karnival Kokurikulum SMK Dato' Kamaruddin" di Batu Kurau, Perak.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi